



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : TEORI SENIBINA 1**  
**KOD KURSUS : DSB1053**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2022**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*


---

**BAHAGIAN A (10 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Gambarajah 1 menunjukkan elemen-elemen utama masjid pada era senibina Islam. Nyatakan elemen yang dilabel 'X'




**Gambarajah 1**

- A Iwan  
B Kubah  
C Mihrab  
D *Hypostyle*
2. Manakah antara berikut adalah kenyataan yang benar tentang senibina Romanesque?
- Ilham dari senibina Greek dan Rom
  - Bermula pada kurun ke-13 di Perancis
  - Sebahagian besar bangunannya berbentuk simetri
  - Gereja sebagai titik fokus dalam susun atur perancangan bandar

- A i, ii  
B i, iii  
C i, iii, iv  
D i, ii, iii, iv

3. Gambarajah 2 menunjukkan sebahagian elemen utama utama gereja pada era senibina Gothic. Nyatakan elemen yang dilabel 'Y'



**Gambarajah 2**

- A *Aisle*  
 B *Narthex*  
 C *Clerestorey*  
 D *Flying Buttress*
4. Manakah antara berikut kenyataan yang benar tentang elemen senibina Renaissance?
- Ciri-ciri mewah dan simetri
  - Bahan hiasan daripada besi
  - Ciri-ciri mewah dan *asymmetry*
  - Hiasan utama pada dinding, siling dan perabot
- A i, ii  
 B i, iii  
 C ii, iv  
 D ii, iii, iv
5. Siapakah antara berikut ialah arkitek terkenal pada era senibina Renaissance?
- A Brunelleschi  
 B Carlo Maderno  
 C Gian Lorenzo Bernini  
 D Baldassare Longhena

6. Manakah antara berikut merujuk kepada senibina Baroque?
- A Bermula di Ireland
  - B Bermula di Perancis
  - C Hiasan yang berlebih-lebihan
  - D Bentuk seni yang cenderung dengan emosi dan bentuk-bentuk natural
7. Gaya utama kuil Hindu purba adalah
- i. Mempunyai Gopuram
  - ii. Menara lebih minimalis
  - iii. Saiz lebih kecil dengan ukiran sederhana
  - iv. Mempunyai gerbang yang berbentuk tajam
- A ii, iii
  - B ii, iv
  - C i, iii, iv
  - D ii, iii, iv
8. Kenyataan di bawah merujuk kepada elemen binaan senibina China pada struktur:
- “...mempunyai bilangan lapisan dalam jumlah yang ganjil dan pelan yang berbentuk bulat atau oktagonal...”*
- A Altar
  - B Istana
  - C Pagoda
  - D *Pavillion*
9. Dinasti manakah antara berikut terbinanya *Forbidden City*?
- A Han
  - B Zhou
  - C Ming
  - D Qing

10. Manakah antara berikut adalah perincian Pagoda dalam senibina Jepun?

- i. Hoju
- ii. Stupa
- iii. Ukebana
- iv. Shimbashira

- A i, ii
- B i, ii, iii
- C i, iii, iv
- D ii, iii, iv

[10 MARKAH]


**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Namakan jenis-jenis *vault* pada era senibina Romanesque dalam Gambarajah 3 berikut:



**Gambarajah 3**


(4 markah)

- b. Terangkan **tiga (3)** perbezaan bagi **tiga (3)** jenis *vault* yang anda pilih.

(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Labelkan elemen-elemen senibina Renaissance dalam Gambarajah 4 berikut:



**Gambarajah 4**

(4 markah)

- b. Berdasarkan pemahaman anda, huraikan **tiga (3)** fungsi struktur pada bangunan pada era senibina Renaissance.

(6 markah)

### SOALAN 3

- a. Stupa digunakan sebagai tempat meditasi pada era senibina India. Lakarkan pelan dan keratan The Great Stupa, Sanchi berserta label.

(4 markah)

- b. Berdasarkan Jadual 1 di bawah, terangkan **tiga (3)** perbezaan antara gaya utama kuil Hindu purba iaitu Nagara dan Dravida.

Kriteria	Nagara	Dravida
Lokasi		
Saiz		
Ciri-ciri		

**Jadual 1**

(6 markah)

**[30 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan **dua (2)** gaya senibina yang mempengaruhi senibina Islam.  
(2 markah)
- b. Huraikan **tiga (3)** kriteria dan gaya senibina Islam.  
(6 markah)
- c. Terdapat tiga gaya utama yang dominan yang boleh didapati pada hampir majoriti wilayah Islam bagi rekaan masjid. Lakarkan **tiga (3)** pelan lantai untuk tiga gaya tersebut. Berdasarkan lakaran anda, huraikan **tiga (3)** ciri bagi setiap binaan masjid.  
(12 markah)

**SOALAN 2**

- a. Apakah **dua (2)** peranan pegawai dan pemerintah besar dalam pembentukan bandar purba China?  
(2 markah)
- b. Terangkan **tiga (3)** konsep perbandaran dalam senibina tradisional China.  
(6 markah)
- c. Huraikan **enam (6)** ciri Tembok Besar China.  
(12 markah)

**SOALAN 3**

- a. Nyatakan **dua (2)** kategori strata sosial Jepun.  
(2 markah)



- b. Terangkan **enam (6)** perbezaan senibina awal Jepun pada era Jomon dan era Yayoi.

(6 markah)

- c. Pagoda ialah tempat untuk menyimpan tinggalan-tinggalan Buddha di dalam kompleks kuil. Lakarkan binaan pagoda tersebut berserta label. Huraikan **empat (4)** lagi struktur bangunan lain yang terdapat di dalam kompleks kuil selain Pagoda.

(12 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**